

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN  
TARIKH: 9 JANUARI 2015 (JUMAAT)**

<b>Bil</b>	<b>Tajuk</b>	<b>Akhbar</b>
1	Inovasi rumah contohi Jepun	Sinar Harian
2	Cuaca mendung selubungi Putrajaya	Berita Harian
3	Angin kencang hingga hari ini	Sinar Harian
4	Hujan: Kuala Krai, beberapa tempat lain kembali dinaiki air	Utusan Malaysia
5	Kemaman banjir lagi	Sinar Harian
6	'Bakal alami suhu sejuk luar biasa'	Berita Harian
7	Two roads in Kemaman closed after rivers overflow	The Malay Mail
8	Perak folk brace for more floods	The Sun
9	Graphene, the next big thing since the Internet	New Straits Times

## Inovasi rumah contohi Jepun

MELAKA - Kementerian Sains Teknologi dan Inovasi (Mosti) akan mencadangkan Perumahan Inovasi 1Malaysia sebagai langkah penyelesaian kemusnahan rumah-rumah di pantai timur akibat banjir.

Timbalan Menteri, Prof Datuk Dr. Abu Bakar Mohamad Diah berkata, perumahan yang dicadangkan itu akan berkonsepkan murah dan cepat sambil menggunakan produk inovasi dengan kerjasama Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani serta beberapa kementerian lain.

Menurutnya, konsep perumahan berkenaan pernah digunakan di Jepun selepas sebahagian besar rumah-rumah milik penduduk musnah akibat bencana tsunami yang dipanggil Tsunami Onagawa.

"Kita akan jadikan mereka ini satu kumpulan kampung yang menggunakan produk inovasi bermula dari struktur perumahannya, pembuangan sampah, bekalan air, manakala bekalan elektrik pula menggunakan penjana tenaga solar.

"Dalam kawasan yang dicadangkan itu nanti akan dibina dewan komuniti, Kedai Rakyat 1Malaysia, ruang parkir, taman permainan dan surau. Konsep perkampungan baru itu juga lebih mementingkan kejiranan dan kita akan beri seratus peratus percuma termasuk rumah, bilik air, perabot dan lain-lain kemudahan," katanya.



Contoh rumah bagi penempatan sementara mangsa Tsunami Ogawa di Jepun yang mempunyai ciri-ciri inovasi.

Beliau berkata, antara kawasan yang akan dikendalikan Mosti adalah di Gua Musang membabitkan 516 buah rumah, Kuala Krai (800 rumah), Tanah Merah (938 rumah), serta Kota Bharu dan beberapa kawasan lain, masing-masing membabitkan 15 buah rumah.

"Dari segi bekalan air pula kita ada beberapa pilihan, antaranya penyuapan hujan dan besar kemungkinan akan menggunakan satu produk dari Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) di mana akan menggunakan satu mesin yang akan menebuk

bawah tanah untuk bekalan air bersih yang boleh diminum untuk keperluan 2,000 hingga 3,000 penduduk.

"Selain itu, penduduk terlibat juga akan berpeluang menjalankan aktiviti pertanian cara moden. Setakat ini dari segi kos ia masih lagi di peringkat perbincangan dan mungkin tidak lebih dari RM30,000," katanya.

Abu Bakar yang juga Ahli Parlimen Tangga Batu berkata demikian ketika menyerahkan sumbangan kerusi roda kepada seorang warga emas, Hamadah Hashim, 57, di Kampung Tanjung Kling, di sini, semalam.



**KERATAN AKHBAR  
BERITA HARIAN (BANJIR) : MUKA SURAT 16  
TARIKH: 9 JANUARI 2015 (JUMAAT)**



**Cuaca mendung selubungi Putrajaya**

Cuaca mendung menyelubungi ruang udara di sekitar Putrajaya yang dirakam jam 2.30 petang. Menurut ramalan Jabatan Metereologi memberi amaran hujan dan ribut petir manakala laut bergelora dan angin kencang diramal sehingga jumaat ini.

[FOTO AHMAD IRHAM MOHD NOOR/BH]

**KERATAN AKHBAR  
SINAR HARIAN (BANJIR) : MUKA SURAT 06  
TARIKH: 09 JANUARI 2015 (JUMAAT)**

### Angin kencang hingga hari ini

**KUALA LUMPUR** - Jabatan Meteorologi mengeluarkan amaran angin kencang di perairan Pahang, Johor Timur, Kelantan, Terengganu, Sarawak, Sabah (pedalaman, Pantai Barat, Sandakan, dan Kudat) serta Labuan dijangka berterusan sehingga hari ini.

Menurut jabatan itu, angin Timur Laut dan laut bergelora (kategori pertama) berkelajuan 40 sehingga 50 kmsj dengan ombak mencapai ketinggian sehingga 3.5 meter, adalah berbahaya kepada bot-bot kecil, aktiviti rekreasi laut dan sukan laut.

Pada masa sama angin kencang dengan kelajuan 50-60 kmsj dan laut bergelora dengan ombak mencapai ketinggian 4.5 meter berbahaya kepada semua aktiviti perkapalan dan pantai termasuk menangkap ikan dan perkhidmatan feri. - Bernama



# Hujan: Kuala Krai, beberapa tempat lain kembali dinaiki air

Oleh **MOHD. HAFIZ ABD. MUTALIB**  
utusan.kelantan@utusan.com.my

**KOTA BHARU 8 Jan.** - Hujan lebat sejak malam tadi yang berterusan sepanjang hari ini menyebabkan beberapa kawasan rendah di sekitar Kuala Krai dan Jeli dinaiki air.

Setiausaha Majlis Keselamatan Negara (MKN) negeri, Azhar Mohamed Yusof berkata, bagaimanapun keadaan masih terkawal dengan laluan masih boleh dilalui kenderaan ringan.

Beliau berkata, antara kawasan yang dikenal pasti dinaiki air ialah di Sungai Durian dan beberapa kawasan sekitar daerah itu termasuk kawasan rendah di Jeli.

"Kuala Krai dan Jeli dilanda hujan lebat sejak awal pagi ini, namun tidak seburuk hujan pada 23 dan 24 Disember lalu," katanya ketika dihubungi di sini hari ini.

Sementara itu, menurut portal kerajaan negeri setakat pukul 6 petang ini, seramai 4,742 mangsa daripada 1,183 masih ditempatkan di 39 pusat pemindahan di lima

daerah di negeri ini.

Menurut **Jabatan Meteorologi Malaysia**, hujan lebat di negeri ini dijangka berterusan sehingga esok.

Sementara itu, di **Kemaman**, hujan berterusan sejak malam tadi menyebabkan banjir kembali melanda di sini hari ini selepas gelombang kedua penghujung tahun lalu hampir pulih sepenuhnya.

Seramai 150 mangsa melibatkan 37 keluarga di kampung Padang Kubu dipindahkan di tiga pusat pemindahan di Masjid Lama kampung tersebut, di berek pegawai ladang TDM dan balai Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) petang ini.

Jurucakap Majlis Keselamatan Negara (MKN) negeri berkata, hujan lebat yang menyebabkan peningkatan aras air sungai utama turut dilaporkan di Besut, Dungun dan Hulu Terengganu.

Di **Kuala Kangsar** pula, di kawasan perniagaan terkemuka di bandar ini yang terletak di tepi tebing Sungai Perak kembali dinaiki air lewat petang ini ekoran hujan sejak semalam.

Tinjauan *Utusan Malaysia* mendapati, kawasan berkenaan yang menjadi tumpuan pelancong terutama di pusat perniagaan Arena Square yang sejak beberapa hari lalu sudah dibersihkan daripada lumpur banjir, kembali dinaiki air.

Setakat pukul 6 petang ini, paras air Sungai Perak naik sehingga 33.65 meter, menghampiri paras amaran iaitu 33.70 meter.

Di **Pahang**, jumlah mangsa banjir di lima daerah di negeri ini semakin berkurangan dengan 14,612 mangsa daripada 4,057 keluarga ditempatkan di 52 pusat pemindahan sehingga pukul 6 petang ini. 14,612 mangsa banjir di Pahang

Jurucakap Bilik Gerakan Banjir Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Pahang berkata, Pekan kekal mencatatkan jumlah mangsa tertinggi iaitu seramai 9,783 mangsa daripada 2,649 keluarga yang ditempatkan di 29 pusat pemindahan.

"Maran mencatatkan seramai 2,618 mangsa daripada 765 keluarga dan Temerloh 972 mangsa daripada 331 keluarga.

"Kuantan pula seramai 1,012 membabitkan 256 keluarga dan Bera 227 orang daripada 56 keluarga," katanya ketika dihubungi di sini hari ini.



